

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI UPACARA PENUTUP LARIAN AMAL
ANJURAN KELAB LIONS
DI SULAIMAN COURT, KUALA LUMPUR
PADA HARI ISNIN, 30 MEI 1988
PUKUL 3.30 PETANG

Yang Berhormat Dato' Ling Liong Sik,
Menteri Pengangkutan;

Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun,
Menteri Kesihatan;

Encik Ong Tat Lien,
Gabenor Daerah, Daerah 308-B;

Dr. Yoong Foh Yan,
Gabenor Daerah, Daerah 308-A;

Yang Berbahagia Dato' Douglas K. K. Lee,
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur
Pusat Larian Amal Kelab Lions;

Puan-puan dan tuan-tuan,

Saya sungguh gembira kerana dapat bersama-sama dengan para hadirin sekalian pada petang ini untuk menyaksikan ketibaan pelari-pelari Larian Amal anjuran Kelab Lions dari Utara dan Selatan Semenanjung Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Projek Larian Amal yang telah menjemput saya merasmikan upacara penutup pada petang ini.

2. Saya ingin juga mengucapkan syabas kepada pihak penganjur Larian Amal ini yang telah menunjukkan minat dan daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengelolakan Projek Larian Amal demi untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik dan yang memerlukannya. Saya tertarik dengan hasrat

...pihak/-

pihak penganjur untuk mengutip wang sebanyak \$1 juta bagi keperluan beberapa pertubuhan amal yang mengendalikan projek-projek yang boleh menyelamatkan nyawa manusia.

Para hadirin sekalian,

3. Kerja-kerja amal di kalangan anggota masyarakat patut digalakkan. Ini adalah kerana ada sebilangan daripada penduduk Malaysia yang kurang bernasib baik. Bagi kita yang mampu, saya percaya eloklah jika tidak menjadi keberatan bagi kita untuk melapangkan sedikit masa untuk kerja-kerja amal. Kita tidak boleh bergantung kepada Kerajaan untuk mendapatkan bantuan selalu. Kita perlulah berusaha dan bersatu tenaga

...untuk/-

untuk membantu orang-orang yang memerlukannya. Melalui projek-projek yang berfaedah seperti Larian Amal ini, anggota-anggota masyarakat boleh tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan mereka terhadap satu usaha yang murni.

4. Di negara kita terdapat banyak persatuan yang sedia membantu orang-orang yang kurang bernasib baik. Satu daripadanya ialah Kelab Lions Antarabangsa. Ahli-ahli Kelab Lions sedia membantu orang-orang yang mengidap penyakit-penyakit seperti jantung berlubang, leukemia, kencing manis, hepatitis dan sebagainya. Dalam hal ini, ahli-ahli Kelab Lions telah berusaha untuk menyebarkan maklumat mengenai bahaya penyakit-penyakit ini supaya

...orang/-

orang ramai menyedarinya dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghadapi masalah mereka. Usaha-usaha seperti ini patutlah dipuji kerana ia dapat menyedarkan orang ramai terhadap penyakit-penyakit ini supaya mereka mendapat rawatan yang sesuai.

5. Sejak penubuhannya pada tahun 1959, Kelab-kelab Lions telah berbakti kepada masyarakat Malaysia selama 29 tahun. Usaha-usaha mereka dalam perkhidmatan sukarela sangat terkenal dan ini termasuk memberi sumbangan dan simpati terhadap orang-orang yang kurang bernasib baik dan yang memerlukannya. Orang ramai patut memberi sokongan penuh terhadap projek Kelab-Kelab Lions ini demi kebaikan kita semua.

...Para/-

Para hadirin sekalian,

6. Saya sedar projek sebesar Larian Amal ini tentu memakan banyak masa untuk merancang dan mengendalikannya. Saya percaya ahli-ahli jawatankuasa telah bekerja keras dan bertungkus lumus untuk menjayakan projek ini. Petang ini merupakan kemuncak kepada segala persiapan kerana kita baru sahaja menyaksikan ketibaan pelari-pelari dari Pulau Pinang dan Johor Bharu. Mereka telah berlari berganti-ganti sepanjang Utara dan Selatan Semenanjung Malaysia ini. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pelari-pelari yang telah berjaya berlari enam kilometer setiap orang dan mengucapkan syabas atas usaha dan penglibatan mereka dalam Projek Larian Amal ini.

...Orang-orang/-

7. Orang-orang Malaysia terkenal dengan kemurahan hati mereka. Saya berharap dengan sumbangan yang diterima dari orang ramai, hasrat Kelab Lions untuk mencapai target \$1 juta akan berjaya. Ini akan menunjukkan bahawa kita bersimpati dengan orang-orang yang kurang bernasib baik dan sedia membantu mereka yang memerlukannya.

8. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua yang mengambil bahagian untuk menjayakan Projek Larian Amal anjuran Kelab Lions Antarabangsa ini.

9. Dengan itu, maka saya menutup Projek Larian Amal anjuran Kelab Lions ini dengan rasminya.

